



# PELAN STRATEGIK

PEJABAT SETIAUSAHA  
PERSEKUTUAN SARAWAK

2011 - 2015



perkhidmatan

perancangan

# Kandungan

---

## Kata-Kata Aluan Setiausaha Persekutuan Sarawak

## Ringkasan Eksekutif

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

- Sejarah Jabatan
- Punca Kuasa
- Peranan dan Fungsi
- *Stakeholders* dan Pelanggan
- Isu dan Cabaran

### BAHAGIAN 2: PELAN STRATEGIK UMUM

- Visi
- Misi
- Moto
- Nilai-Nilai Teras

### BAHAGIAN 3: PELAN STRATEGIK 2011-2015

- Teras Strategik
- Strategi dan Pelan Tindakan 2011-2015

## Penutup

### Lampiran

- Lampiran 1  
Taburan Kuarters dan BGS Persekutuan di Negeri Sarawak
- Lampiran 2  
Penyelenggaraan Bangunan Gunasama Berdasarkan Zon-Zon di Sarawak



## Kata-Kata Aluan

### SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya Pejabat SUPS dapat menyediakan Pelan Strategik Pejabat SUPS 2011-2015 ini.

Dalam usaha untuk melonjakkan kecemerlangan perkhidmatan selaras dengan dasar Program Transformasi Kerajaan, Pejabat SUPS telah menyediakan **Pelan Strategik 2011-2015** bagi menggariskan halatuju, panduan dan memperbaharui fokus mengenai penyampaian perkhidmatan di Pejabat SUPS.

Saya amat berharap dengan adanya **Pelan Strategik SUPS 2011-2015** ini akan dapat membantu mengoptimumkan daya usaha dan kreativiti warga Pejabat SUPS dalam memacu penyampaian perkhidmatan ke arah sebagai peneraju dalam perkhidmatan awam persekutuan di Sarawak.

Semoga segala yang dirancang dalam **Pelan Strategik 2011-2015** ini memperolehi keberkatan dan keizinan Allah S.W.T agar ianya dapat direalisasikan dan memberi manfaat serta kesejahteraan kepada *stakeholders*, pelanggan dan warga Pejabat SUPS.

Pelan Strategik ini tidak mungkin dapat dijayakan tanpa adanya sokongan dan kerjasama daripada semua pihak. Sehubungan ini saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak, khususnya kepada pihak MAMPU Cawangan Sarawak dan KRA Consultancy Resources serta seluruh warga Pejabat SUPS dalam menjayakan pembentukan dokumen Pelan Strategik 2011-2015 ini.

Sekian, terima kasih.



Datuk Haji Md Yahaya Basimin

## Ringkasan Eksekutif

---

Bagi memastikan Pejabat SUPS berperanan sebagai agensi peneraju dalam perkhidmatan persekutuan di Sarawak, satu Pelan Strategik 2011-2015 Pejabat SUPS diwujudkan untuk menggariskan halatuju dan memperkukuhkan sistem penyampaian Pejabat SUPS dalam menerajui perubahan ke arah yang lebih cemerlang.

Pelan Strategik ini mengandungi Visi, Misi, Moto, Nilai-Nilai Bersama, Teras Strategik dan Pelan Tindakan bagi memberi gambaran menyeluruh mengenai perancangan dan pelaksanaan strategik untuk Pejabat SUPS.

Di antara 4 teras strategik yang digariskan untuk merealisasikan visi, misi dan objektif yang ditetapkan dalam tempoh masa empat (4) tahun dari 2011 hingga 2015 adalah

1. Mengukuhkan jalinan dan kerjasama strategik antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri
2. Memacu dan memperkasakan pengurusan hartanah persekutuan di Sarawak
3. Memantapkan keupayaan dan kapasiti Pejabat SUPS
4. Memperkasakan tadbir urus organisasi dan pembudayaan nilai-nilai murni

Setiap strategik ini akan dilaksanakan melalui beberapa pelan tindakan yang akan diperincikan dalam laporan pelan strategik ini.

# Bahagian 1

---

## LATAR BELAKANG

### Sejarah Jabatan

Penubuhan Pejabat SUPS adalah di atas inisiatif Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussain Timbalan Perdana Menteri sebaik sahaja Malaysia ditubuhkan. Y.M. Tunku (Tan Sri) Mohamed bin Tunku Besar Burhanudin yang pada masa itu memegang jawatan Pegawai Perjawatan di Kuala Lumpur pergi ke Malaysia Timur untuk menyelaras dan mencantumkan sistem pentadbiran awam di Malaysia Timur dengan yang digunakan di Semenanjung Malaysia. Arahan ini adalah berdasarkan kepada perbincangan awal Inter-Governmental Committee (IGC 1963) yang bersetuju menubuhkan sebuah Pejabat Perhubungan Persekutuan (Federal Liaison Office) di Sabah dan Sarawak sebagai perantaraan bagi Ketua-Ketua Jabatan yang hendak dipersekutukan (to be federalized) dengan Kementerian di Kuala Lumpur.

Pada 16 September 1963 iaitu serentak dengan penubuhan Malaysia, Pejabat SUPS yang juga dikenali ringkas sebagai Urusetia Persekutuan telah ditubuhkan. Pada masa tersebut Tunku Tan Sri Mohamed dilantik sebagai Setiausaha Persekutuan (bagi "Borneo State") atau Malaysia Timur dan ditempatkan di Kuching. Timbalan beliau, Yeap Kee Aik, ditempatkan di Jesselton (sekarang Kota Kinabalu) Sabah. Pada peringkat permulaannya Setiausaha Persekutuan yang beribupejabat di Kuching adalah bertanggungjawab mengendalikan urusan-urusan bagi kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak.

Pada tahun 1967 Pejabat Setiausaha Persekutuan disusun semula dan dengan itu Sarawak dan Sabah mempunyai Setiausaha Persekutuannya masing-masing.

Pada tahun 1971, jawatan SUP lebih dikenali sebagai Ketua Setiausaha

Kementerian Hal Ehwal Sarawak, setelah Tan Sri Dato' Wan Sidek (SUP Ke-6) dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Sarawak dan Chief Executive Rajang Security Command (RASCOM). Dalam tahun 1974 nama jawatan tersebut telah ditukar kembali kepada Setiausaha Persekutuan Sarawak setelah Kementerian tersebut dibubarkan.

Dengan rasminya melalui Surat Pekeliling Am Bil. 5/1982 dan Bil. 9/1982, Pejabat SUPS telah dimansuhkan atas sebab-sebab tertentu. Pada masa itu, tugas dan tanggungjawab lain yang dipertanggungjawabkan kepada SUPS telah dipindahkan kepada beberapa pihak persekutuan yang lain sama ada di Semenanjung mahupun di Sarawak. Kuasa undang-undang diwakilkan kepada SUPS oleh beberapa menteri diserahkan balik kepada Kementerian.

Atas permohonan kerajaan negeri Sarawak, YBhg. Dato' Abdul Malek bin Abdul Aziz (Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri) memaklumkan pada 21 November 1989, bahawa Kabinet telah memutuskan supaya diwujudkan semula jawatan SUP di Sabah dan Sarawak.

Pejabat SUPS telah diwujudkan semula pada 1 Mei 1990 dan ia telah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) sehingga ke hari ini.

Pejabat SUPS pada awal penubuhannya adalah terletak di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri iaitu berdekatan dengan "Padang Central" (kini Padang Merdeka). Pada tahun 1975, pejabat ini dipindah ke tingkat 3, Bangunan Tunku Abdul Rahman (sekarang Wisma Bapa Malaysia di Petra Jaya, Kuching).

Kini Pejabat SUP Sarawak terletak di tingkat 3 dan 17, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga, Kuching.

Sehingga ke hari ini terdapat seramai 16 orang SUP telah berkhidmat di Sarawak termasuklah SUP sekarang, YBhg. Datuk Haji Md Yahaya Basimin.

## Punca Kuasa

---

- (i) Surat Pekeliling Am Bilangan 4/1990. Pengwujudan semula Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah dan Sarawak;
- (ii) Surat Pekeliling Am Bilangan 1/1991. Pengekalan kuasa-kuasa yang telah diserahkan daripada Setiausaha Persekutuan Sarawak kepada pihak Berkuasa Persekutuan dan Agensi Pusat; dan
- (iii) Surat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Bil. JPA(S)252/2/24-21(70) bertarikh 2 Ogos 1999, Surat Penyerahan Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta ke Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak.



## Peranan dan Fungsi

---

Sebagai ketua bagi Kerajaan Persekutuan di Sarawak, peranan dan fungsi Pejabat SUPS adalah seperti berikut :-

- (i) Mengukuhkan Perhubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak
- (ii) Mengurus Bangunan Gunasama Persekutuan dan Kuarters Persekutuan Sarawak
- (iii) Menyelaras dan Memantau Projek-Projek Bangunan Gunasama dan Kuarters Persekutuan
- (iv) Pemudahcara Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan di Negeri Sarawak
- (v) Menyelaras Program-Program Peningkatan Kualiti dan Produktiviti Jabatan-Jabatan Persekutuan di Negeri Sarawak

## Stakeholders dan Pelanggan



## Isu dan Cabaran

---

Bagi mewujudkan organisasi yang cemerlang dan menjadi peneraju dalam sektor awam persekutuan di Sarawak, cabaran utama yang didorong oleh faktor dalaman dan luaran yang perlu ditangani oleh Pejabat SUPS adalah seperti berikut:

### **Hubungan Antara Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan Negeri**

Selaras dengan gagasan “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dalam pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan awam kepada masyarakat umum, beberapa gerakan telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan. Dalam hal ini, jaringan dan hubungan strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diperkukuhkan lagi bagi memastikan dasar-dasar yang diperkenalkan di peringkat Persekutuan turut dapat dilaksanakan dengan jayanya di peringkat negeri Sarawak. Hubungan yang erat di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri merupakan prasyarat utama dalam mengekalkan perpaduan kaum dan integrasi nasional serta memastikan sistem penyampaian perkhidmatan khususnya di negeri Sarawak dapat disampaikan dengan cekap, tepat dan berintegriti.

## **Mempertingkatkan Tadbir Urus Terbaik (Good Governance) Dalam Sektor Awam**

Sektor awam merupakan jentera pentadbiran, perkhidmatan dan penggerak ke arah pembangunan dan kemajuan negara. Justeru, pemantapan tadbir urus terbaik atau *good governance* dalam sektor awam perlu diberi keutamaan terutamanya dalam pengamalan sistem dan prosedur kerja yang cekap bagi menutup ruang dan peluang untuk penyelewengan serta salah guna kuasa. Ketelusan dan pematuhan kepada peraturan dan undang-undang akan memastikan semua keputusan dan tindakan dibuat dengan penuh integriti agar dapat mempertingkatkan dan memperkukuhkan keupayaan ke arah mencapai matlamat Misi Nasional dan Wawasan 2020. Tumpuan juga turut diberikan kepada pembangunan modal insan melalui penerapan nilai-nilai murni dan etika kerja positif. Melalui usaha-usaha ini, semua pegawai awam perlu memainkan peranan penting dalam mengamalkan prinsip tadbir urus terbaik supaya dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang.

### **Perkhidmatan Awam Yang Kejut**

Bagi mengubah tanggapan bahawa perkhidmatan awam bersaiz besar, kurang responsif dan cenderung kepada ketirisan, konsep perkhidmatan awam yang kejut (*lean civil service*) telah diperkenalkan. Ini bagi mewujudkan jentera perkhidmatan awam yang cekap, berproduktiviti tinggi, lebih kreatif dan inovatif dengan mengutamakan pencapaian di mana setiap penjawat awam digembleng sepenuhnya untuk beroperasi ke arah mencapai

matlamat perkhidmatan tanpa pembaziran. Sebaliknya tuntutan kerja yang semakin meningkat dalam perkhidmatan awam menuntut penjawat awam untuk lebih komited, cekap dan inovatif dalam meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam di jabatan dan agensi masing-masing. Lantaran itu, pembangunan modal insan dari aspek pengetahuan, kemahiran, dan sikap telus diberikan penekanan bagi memastikan penjawat awam sentiasa kompeten serta relevan.

### **Penyampaian Perkhidmatan Yang Melangkaui Ekspektasi**

Dalam memenuhi hasrat kerajaan supaya perkhidmatan yang diberikan adalah melampaui kebiasaan atau "*beyond ordinary*". Pejabat SUPS perlu memastikan tahap kepuasan pelanggan sentiasa melampaui kebiasaan di mana Pejabat SUPS bukan sekadar perlu membekalkan ruang pejabat yang mencukupi dan tempat kediaman yang selesa, malah kesejahteraan dan kepuasan pelanggan perlu merangkumi aspek yang lebih luas. Contohnya kepuasan pelanggan bagi penghuni kuarters persekutuan perlulah meliputi kualiti kuarters, tahap keselamatan, kebersihan persekitaran, kehormonian kejiranan dan sebagainya. Pengurusan sumber yang cekap dan efisien menjadi kritikal dalam memenuhi hasrat untuk menjadi agensi peneraju yang menyampaikan perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi.

## **Bahagian 2**

### **PELAN STRATEGIK UMUM**

---

#### **Visi**

**PENERAJU DALAM PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI SARAWAK BAGI MENCAPAI TAHAP NEGARA MAJU DAN BERDAYA SAING MENJELANG TAHUN 2015**

#### **Misi**

**MEMPERKASA KECEMERLANGAN DALAM SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MELALUI PERHUBUNGAN ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI SERTA PENGURUSAN HARTANAH PERSEKUTUAN PADA TAHAP YANG OPTIMA DAN BERKUALITI**

#### **Moto**

**PERTAMA DAN MEMIMPIN**

## Nilai-Nilai Teras

<b>B</b>	<b>BIJAKSANA</b>
<b>A</b>	<b>AKAUNTABILITI</b>
<b>K</b>	<b>KERJASAMA</b>
<b>T</b>	<b>TOLERANSI</b>
<b>I</b>	<b>INTEGRITI</b>

- Bijaksana** - Bijak memberi idea serta cekap dalam menyelesaikan masalah dan pantas membuat keputusan
- Akauntabiliti** - Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dengan sempurna
- Kerjasama** - Semangat berpasukan dalam mencapai matlamat organisasi
- Toleransi** - Mengamalkan sikap bertolak ansur dan “empathy” dalam melaksanakan tugas
- Integriti** - Kebertanggungjawaban terhadap organisasi yang diwakili melalui sikap amanah, cekap, ikhlas dan beretika.

## Bahagian 3

---

### PELAN STRATEGIK 2011-2015

#### TERAS STRATEGIK

Di antara empat teras strategik utama yang dibangunkan bagi membantu Pejabat SUPS melaksanakan tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan serta menangani cabaran-cabaran yang berbangkit dalam merealisasikan visi dan misi adalah:

- Mengukuhkan Jalinan dan Kerjasama Strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Awam yang Melangkaui Ekspektasi Pelanggan serta *Stakeholders*
- Memacu dan Memperkasakan Pengurusan Hartanah Persekutuan di Sarawak bagi Meningkatkan Tahap Kualiti Hidup Masyarakat
- Memantapkan Keupayaan dan Kapasiti Pejabat SUPS bagi Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan di Sarawak
- Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi dan Pembudayaan Nilai-Nilai Murni Ke Arah Kecemerlangan Pejabat SUPS



## Teras Strategik

---

**1**

**Mengukuhkan Jalinan dan Kerjasama Strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Awam yang Melangkaui Ekspektasi Pelanggan serta *Stakeholders***

### STRATEGI

- 1. Meningkatkan imej melalui pemeraksanaan agenda dan program penyampaian perkhidmatan persekutuan**
- 2. Mempertingkatkan kerjasama strategik dengan agensi persekutuan dan kerajaan negeri**
- 3. Memperkasakan pelaksanaan sistem pemantauan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan persekutuan di Sarawak**
- 4. Memperbaiki perkhidmatan melalui aduan daripada pelanggan serta *stakeholders***
- 5. Menggalakkan persaingan dalam perkhidmatan awam persekutuan di Sarawak bagi meningkatkan kualiti dan inovasi sistem penyampaian perkhidmatan awam**

# Strategi dan Pelan Tindakan 2011-2015

---

## **Teras 1: Mengukuhkan Jalinan dan Kerjasama Strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri**

Dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam yang melangkaui ekspektasi pelanggan, hubungan dan jalinan yang erat antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan melalui kerjasama strategik amat diperlukan dalam merealisasikan dasar dan program kerajaan.

### **Strategi 1**

Meningkatkan Imej melalui Pemerkasaan Agenda dan Program Promosi Penyampaian Perkhidmatan Persekutuan

### **Pelan Tindakan**

1. Menggubal Pelan Perancangan Media
2. Melaksanakan Pelan Perancangan Media
3. Menjalankan Kajian Impak Keberkesanan Program yang Dilaksanakan

<b>Strategi</b>	<b>Program</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Tahun Sasaran</b>	<b>Pelaksana</b>
Meningkatkan Imej melalui Pemerkasaan Agenda dan Program Promosi Penyampaian Perkhidmatan Persekutuan	Menggubal Pelan Perancangan Media	Pelan Perancangan Media	2012	Unit PRO
	Melaksanakan Pelan Perancangan Media	Pelaksanaan sekurang-kurangnya 95%	2015	Unit PRO
	Menjalankan Kajian Impak Keberkesanan Program	Peningkatan dalam persepsi umum yang positif sebanyak 90%	2015	Unit PRO

## Strategi 2

Mempertingkatkan Kerjasama Strategik dengan Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri

### Pelan Tindakan

1. Melaksanakan Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan
2. Program “Jalinan Kerjasama Strategik”
3. Menganjurkan Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Melalui Kerjasama SUK Sarawak

Strategi	Program	Sasaran	Tahun Sasaran	Pelaksana
Mempertingkatkan Kerjasama Strategik dengan Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri	Melaksanakan Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan	3 Mesyuarat setahun	2011-2015	Unit PRO
	Program “Jalinan Kerjasama Strategik”	12 Program setahun	2012-2015	Unit Pentadbiran
	Menganjurkan Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Melalui Kerjasama SUK Sarawak	1 Program setahun	2011-2015	Unit Pentadbiran

### Strategi 3

Memantapkan Pengurusan Aduan daripada Pelanggan serta *Stakeholders*

#### Pelan Tindakan

##### 1. Pengurusan Aduan Awam

Strategi	Program	Sasaran	Tahun Sasaran	Pelaksana
Memantapkan Pengurusan Aduan daripada Pelanggan serta <i>Stakeholders</i>	Pengurusan Aduan Awam	Peratusan aduan yang diselesaikan 100%	2011-2015	Unit PRO

### Strategi 4

Memperkasakan Pelaksanaan Sistem Pemantauan bagi Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Persekutuan di Sarawak

#### Pelan Tindakan

1. Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi (JKPI)
2. Mengadakan Lawatan Kualiti dan Inovasi Persekutuan Sarawak
3. Mengadakan Lawatan Kerja bagi Memantau Projek Pembangunan dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam Persekutuan di Sarawak

Strategi	Program	Sasaran	Tahun Sasaran	Pelaksana
Memperkasakan Pelaksanaan Sistem Pemantauan bagi Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Persekutuan di Sarawak	Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi (JKPI)	6 Mesyuarat setahun	2012-2015	Unit Inovasi & ICT / MAMPU Cawangan Sarawak
	Mengadakan Lawatan Kualiti dan Inovasi Persekutuan Sarawak	6 Lawatan setahun	2012-2015	Unit Inovasi & ICT / MAMPU Cawangan Sarawak
	Mengadakan Lawatan Kerja oleh SUP	3 Program setahun	2012-2015	Unit PRO, Unit Pengurusan Harta & Aset, Unit Pembangunan

**Strategi 5**

Menggalakkan Persaingan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan di Sarawak bagi Meningkatkan Kualiti dan Inovasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam

**Pelan Tindakan**

1. Mengadakan Anugerah Peringkat Negeri Sarawak melalui Kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak

Strategi	Program	Sasaran	Tahun Sasaran	Pelaksana
Menggalakkan Persaingan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan di Sarawak bagi Meningkatkan Kualiti dan Inovasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam	Mengadakan Anugerah Peringkat Negeri Sarawak melalui Kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak	Satu anugerah setahun	2012 - 2015	Unit Inovasi & ICT

## Teras Strategik

---

**2**

**Memacu dan Memperkasakan Pengurusan Hartanah Persekutuan di Sarawak bagi Meningkatkan Tahap Kualiti Hidup Masyarakat**

### Strategi

- 1. Mengoptimalkan pengagihan dan tahap penyelesaian pengguna di ruang Pejabat Persekutuan**
- 2. Mengoptimalkan pengagihan dan tahap penyelesaian penghuni Kwarters Gunasama Persekutuan**

# Strategi dan Pelan Tindakan 2011-2015

---

## Teras 2: Memacu dan Memperkasakan Pengurusan Hartanah Persekutuan

Mengoptimalkan keupayaan, kapasiti dan pengurusan hartanah persekutuan amatlah diperlukan bagi meningkatkan tahap kualiti hidup masyarakat khususnya penjawat awam persekutuan di Sarawak

### Strategi 1

Mengoptimalkan Pengagihan dan Tahap Keselesaan Pengguna di Ruang Pejabat Persekutuan

### Pelan Tindakan

1. Mengadakan Mesyuarat Pengagihan Ruang Pejabat
2. Menaiktaraf Fasiliti di Bangunan Pejabat Gunasama Persekutuan
3. Pemantauan Perkhidmatan Syarikat Konsesi
4. Mengadakan Mesyuarat dengan JPPBGP
5. Memantau Keselamatan di Bangunan Gunasama Persekutuan

Strategi	Program	Sasaran	Tahun Sasaran	Pelaksana
Mengoptimalkan Pengagihan dan Tahap Keselesaian Pengguna di Ruang Pejabat Persekutuan	Pengagihan Ruang Pejabat	Keputusan permohonan pengagihan ruang pejabat dikeluarkan dalam tempoh 1 bulan dari permohonan	2011-2015	Unit Pengurusan Harta Dan Aset
	Menaiktaraf Fasiliti di Bangunan Pejabat Gunasama Persekutuan	Tahap kepuasan pelanggan sekurang-kurangnya 85%	2012-2015	
	Pemantauan Perkhidmatan Syarikat Konsesi	Kepuasan pelanggan sekurang-kurangnya 85% dari aspek i.Kebersihan ii.Keselamatan iii.Penaiktarafan BGS	2012-2015	
	Mesyuarat dengan JPPBGP	4 Kali setahun	2012-2015	
	Memantau Keselamatan di BGS • Pelekat Kenderaan • Penggunaan CCTV	Pelekat diedarkan setiap 2 tahun  Pemasangan CCTV di BGS Kuching	2012 & 2015  2012	Unit Pentadbiran / Unit Pengurusan Harta & Aset

**Strategi 2**

Mengoptimalkan Pengagihan dan Tahap Keselesaan Penghuni Kwarters Gunasama Persekutuan

**Pelan Tindakan**

1. Pemantauan Pengagihan Penghuni Kwarters
2. Membaiki dan Menaiktaraf Unit dan Fasiliti di Kwarters Gunasama Persekutuan
3. Mengadakan Lawatan Berkala Penyelenggaraan
4. Pemantapan Sistem e-kuarters
5. Meningkatkan Penggunaan Sistem Pengurusan Kwarters Atas Talian
6. Pemantauan Projek-Projek Pembangunan, Bangunan Gunasama dan Kwarters

Strategi	Program	Sasaran	Tahun Sasaran	Pelaksana
Mengoptimalkan Pengagihan dan Tahap Keselesaan Penghuni Kuarters Gunasama Persekutuan	Urusan Pemantauan dan Pengagihan Penghuni Kuarters	Tempoh pengagihan unit kuarters yang kosong dalam tempoh 1 bulan	2011-2015	Unit Pengurusan Harta Dan Aset
	Membaiki dan Menaiktaraf Unit dan Fasiliti di Kuarters Gunasama Persekutuan	i) Tahap kepuasan pelanggan sekurang-kurangnya 85% ii) Peratusan aduan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan: -aduan mudah 100% -aduan rumit 85%	2012-2015	
	Lawatan Berkala Penyelenggaraan	4 Lawatan setahun	2012-2015	
	Pemantapan Sistem e-kuarters	Sistem e-kuarters	2013	
	Meningkatkan Penggunaan Sistem Pengurusan Kuarters Atas Talian	Tahap penggunaan sekurang-kurangnya 85%	2015	
	Pemantauan Projek-Projek Pembangunan, Bangunan Gunasama dan Kuarters	Menghadiri lawatan kerja dan mesyuarat tapak/projek 100%	2011-2015	

## Teras Strategik

---

**3**

**Memantapkan Keupayaan dan Kapasiti Pejabat SUPS bagi Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan di Sarawak**

### Strategi

- 1. Memperkukuhkan pengurusan dan pembangunan sumber manusia**
- 2. Memantapkan pengurusan ilmu ke arah membudayakan organisasi pembelajaran**
- 3. Mempertingkatkan budaya kreatif dan inovatif**
- 4. Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif**

# Strategi dan Pelan Tindakan 2011-2015

---

## Teras 3: Memantapkan Keupayaan dan Kapasiti

Mengoptimalkan keupayaan dan kapasiti amatlah diperlukan dalam mentransformasikan perkhidmatan awam ke arah memfokuskan pelanggan dan sistem pengurusan dan penyampaian yang cekap dan berkesan.

### Strategi 1

Memperkukuhkan Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia

### Pelan Tindakan

1. Mewujudkan Pelan Strategik Sumber Manusia
2. Memperkemaskan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia
  - HRMIS
  - Buku Perkhidmatan
3. Pemantapan Program-program Latihan
  - Pengubalan Pelan Operasi Latihan(POL)
  - Pelaksanaan POL
  - Penilaian Keberkesanan Latihan
4. Tahap Kepuasa Pekerja

<b>Strategi</b>	<b>Program</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Tahun Sasaran</b>	<b>Pelaksana</b>
Memperkuhkan Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia	Mewujudkan Pelan Strategik Sumber Manusia	Pelan Strategik Sumber Manusia	2012	Unit PSM
	Memperkemaskan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia <ul style="list-style-type: none"> <li>• HRMIS</li> <li>• Buku Perkhidmatan</li> </ul>	100% Kemaskini maklumat	2012-2015	Unit PSM
	Pemantapan Program-program Latihan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengubalan Pelan Operasi Latihan(POL)</li> <li>• Pelaksanaan POL</li> <li>• Penilaian Keberkesanan Latihan</li> </ul>	Pelan POL <ul style="list-style-type: none"> <li>• 90% Pelaksanaan POL</li> <li>• 7 Hari berkursus bagi setiap warga setahun</li> <li>• Keberkesanan latihan sekurang-kurangnya 85%</li> </ul>	2012  2013  2012-2015	Unit PSM
	Tahap Kepuasan Pekerja	Tahap kepuasan pekerja melebihi 85%	2012-2015	Unit PSM

## Strategi 2

Memantapkan Pengurusan Ilmu Ke Arah Membudayakan Organisasi Pembelajaran

### Pelan Tindakan

1. Mewujudkan Sistem e-katalog untuk Rujukan dan Kegunaan Pengguna
2. Melaksanakan Kempen Membaca melalui Pameran dan Sirkulasi Bahan-Bahan Baru Pusat Bilik Sumber
3. Membangunkan Sistem Atas Talian *Knowledge Awareness Poll*
4. Menjalankan Keberkesanan Program-program Pembudayaan Ilmu

Strategi	Program	Sasaran	Tahun Sasaran	Pelaksana
Memantapkan Pengurusan Ilmu Ke Arah Membudayakan Organisasi Pembelajaran	Mewujudkan Sistem e-katalog	Sistem e-katalog	2012	Unit Pentadbiran
	Melaksanakan Kempen Membaca (Pameran dan Sirkulasi Bahan-bahan Baru Pusat Bilik Sumber	1 Tahun sekali	2012-2015	Unit Pentadbiran
	Membangunkan Sistem Atas Talian <i>Knowledge Awareness Poll</i>	Sistem <i>Knowledge Awareness Poll</i>	2013	Unit Pentadbiran
	Menjalankan Keberkesanan Program-program Pembudayaan Ilmu	Peningkatan tahap pengetahuan sebanyak 10% setiap tahun	2012-2015	Unit Pentadbiran

**Strategi 3**

Mempertingkatkan Budaya Kreatif dan Inovatif

**Pelan Tindakan**

1. Mewujudkan Pelan Tindakan Inovasi Organisasi
2. Membangunkan Sistem Data Bank “Mi-idea” bagi Mengumpul Idea dan Cadangan Warga dan Pelanggan Pejabat SUPS
3. Mengaktifkan Kumpulan Inovatif Kerja
4. Mengadakan Program Hari Inovasi

Strategi	Program	Sasaran	Tahun Sasaran	Pelaksana
Mempertingkatkan Budaya Kreatif dan Inovatif	Mewujudkan Pelan Tindakan Inovasi Organisasi	Pelan Tindakan Inovasi Organisasi	2012	Unit Inovasi & ICT
	Wujudkan Sistem Mi-idea Data Bank	Mi-idea data bank	2012	Unit Inovasi & ICT
	Kumpulan Inovatif Kerja (KIK)	Penyertaan dalam Konvenyisen KIK	2012	Unit Inovasi & ICT
	Program Hari Inovasi	1 Program setahun	2012-2015	Unit Inovasi & ICT

**Strategi 4**

Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Konduksif

**Pelan Tindakan**

## 1. Mengekalkan Pelaksanaan Amalan 5S

<b>Strategi</b>	<b>Program</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Tahun Sasaran</b>	<b>Pelaksana</b>
Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Konduksif	Mengekalkan Pelaksanaan Amalan 5S	Pembaharuan persijilan setiap 2 tahun	2012 & 2014	Unit Inovasi & ICT

## Teras Strategik

---

**4**

**Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi dan Pembudayaan Nilai-nilai Murni ke Arah Kecemerlangan Pejabat SUPS**

### Strategi

- 1. Menerapkan nilai-nilai integriti dalam Penjawat Awam Persekutuan**
- 2. Perneriksaan sistem prosedur kerja**
- 3. Memantapkan pengurusan kewangan**
- 4. Memperkukuhkan kualiti sistem pengurusan dan penyampaian bagi memenuhi ekspektasi pelanggan**
- 5. Memperkukuh penggunaan ICT untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam.**

# Strategi dan Pelan Tindakan 2011-2015

## Teras 4: Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi dan Pembudayaan Nilai-nilai Murni

Penanaman nilai-nilai murni dan integriti serta disiplin dalam jiwa penjawat awam adalah penting dalam membentuk dan mewujudkan budaya organisasi yang cemerlang dan tadbir urus yang telus

### Strategi 1

Menerapkan Nilai-Nilai Integriti dalam Penjawat Awam Persekutuan

### Pelan Tindakan

1. Penggubalan Pelan Integriti Organisasi
2. Mengajukan Program Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA) melalui Kerjasama dengan Jabatan Lain
3. Mengadakan Sistem Pengiktirafan Pekerja

Strategi	Program	Sasaran	Tahun Sasaran	Pelaksana
Menerapkan Nilai-Nilai Integriti dalam Penjawat Awam Persekutuan	Penggubalan Pelan Integriti Organisasi	Pelan Integriti Organisasi	2012	Unit PSM
	Menganjur Program Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam	Mendapatkan audit nilai sekurang-kurangnya 85%	2012-2015	Unit PSM
	Pengiktirafan Pekerja	6 Kali setahun	2012-2015	Unit PSM

**Strategi 2**

Memperkasakan Sistem dan Prosedur Kerja

**Pelan Tindakan**

1. Pemantapan Pelaksanaan MS ISO 9001:2008
2. Pemantapan Fail Meja Warga Secara Berkala

Strategi	Program	Sasaran	Tahun Sasaran	Pelaksana
Memperkasakan Sistem Prosedur Kerja	Pemantapan Pelaksanaan MS ISO 9001:2008	Pembaharuan persijilan setiap 3 tahun	2013	Unit Inovasi & ICT
	Pemantapan Fail Meja Warga Secara Berkala	1 kali pemantauan setahun	2012-2015	Unit PSM

**Strategi 3**

Memantapkan Pengurusan Kewangan

**Pelan Tindakan**

## 1. Mematuhi Prosedur Kewangan yang Ditetapkan

Strategi	Program	Sasaran	Tahun Sasaran	Pelaksana
Memantapkan Pengurusan Kewangan	Mematuhi Prosedur Kewangan	Indeks Akauntabiliti (4 bintang)	2013	Unit Kewangan

**Strategi 4**

Memperkuhkan Kualiti Sistem Pengurusan dan Penyampaian bagi Memenuhi Ekspektasi Pelanggan

**Pelan Tindakan**

## 1. Penilaian Penarafan Bintang (SSR)

Strategi	Program	Sasaran	Tahun Sasaran	Pelaksana
Memperkuhkan Kualiti Sistem Pengurusan dan Penyampaian bagi Memenuhi Ekspektasi Pelanggan	Penilaian Penarafan Bintang (SSR)	5 bintang	2013	Unit Inovasi & ICT

### Strategi 5

Memperkukuhkan Keselamatan dan Penggunaan ICT untuk Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam

#### Pelan Tindakan

1. Menjalankan Kajian Semula ke atas:
  - Pelan Strategik ICT Pejabat SUPS
  - Pelan Tindakan Keselamatan ICT
2. Menjalankan Penyelenggaraan Berkala Peralatan ICT
3. Pengemaskini Laman Web Jabatan

Strategi	Program	Sasaran	Tahun Sasaran	Pelaksana
Memperkukuhkan Keselamatan ICT dan Keselamatan Data	Menjalankan Kajian Semula ke atas: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelan Strategik ICT Pejabat SUPS</li> <li>• Pelan Tindakan Keselamatan ICT</li> </ul>	1 Kajian semula setiap tahun	2012-2015	Unit Inovasi & ICT
	Menjalankan Penyelenggaraan Berkala Peralatan ICT	6 Kali penyelenggaraan setiap tahun	2011-2015	
	Pengemaskinian Laman Web Jabatan	5 Bintang (MDEC)	2013	


## Penutup

---

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap penting bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Pelan Strategik Pejabat SUPS telah menggariskan beberapa teras strategik, strategi dan pelan tindakan yang perlu dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan *stakeholders* dan pelanggan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirangka dapat mencapai sasaran dalam tempoh yang ditetapkan. Pelan Strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan dalam memantau hala tuju organisasi serta meningkat keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang disasarkan.


# Lampiran 1

## Taburan Kwarters dan BGS Persekutuan di Negeri Sarawak



## Lampiran 2

### Penyelenggaraan Bangunan Gunasama Berdasarkan Zon-Zon di Sarawak



DIREKA DAN DICETAK OLEH  
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**  
Kementerian Dalam Negeri

Tel : 082-241131, 241132, 248876 Faks : 082-412005

E-mel : [pnmbkc@printnasional.com.my](mailto:pnmbkc@printnasional.com.my) Laman Web : <http://www.printnasional.com.my>